

16 DEC 1996

FAMA

FAMA PELAWA USAHAWAN BUMIPUTERA BANGUNKAN KOTA TANI

SEREMBAN, 16 Dis (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mempelawa usahawan Bumiputera untuk mengadakan usahasama membangunkan kawasan Kota Tani di seluruh negara.

Pengerusinya Datuk Badruddin Amiruldin berkata, Kota Tani itu akan menempatkan peniaga yang sebelum ini berniaga di pasar-pasar tani dalam satu pusat perniagaan yang tetap.

"Sehubungan itu, usahawan Bumiputera yang mempunyai kawasan tanah yang luas boleh mengadakan usahasama dengan FAMA untuk mendirikan pusat berkenaan", katanya kepada pemberita selepas perasmian hari keluarga kakitangan FAMA Negeri Sembilan oleh Anggota Exco Kerajaan Negeri Datuk Shamsul Bahari Mat di sini hari ini.

Menurut beliau, kota tani itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk para peniaga memasarkan hasil keluaran mereka sama ada ternakan, tanaman atau barangan kraftangan.

Ia juga akan menjadi pusat serenti kepada barangan keluaran Industri Kecil dan Sederhana serta tarikan kepada pelancong dengan Kota Tani yang pertama bernilai RM5 juta akan dibina di Langkawi pada awal tahun depan.

Badruddin berkata, pasar-pasar tani yang sedia ada akan terus dikekalkan bagi menggalakkan lebih banyak petani memasarkan sendiri hasil keluaran mereka.

Katanya, sambutan orang ramai terhadap pasar-pasar tani di seluruh negara kini kian meningkat dengan pulangan hasil sepanjang tahun ini berjumlah lebih RM210 juta.

Beliau juga berkata FAMA akan mengenal pasti jenis barangan makanan yang sesuai untuk dieksport ke Arab Saudi berikutan kesediaan negara berkenaan membuka lebih luas pasarannya kepada barangan keluaran Malaysia.

"Langkah ini juga sejajar dengan saranan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang mahu eksport barangan keluaran negara ini ke Arab Saudi terus ditingkatkan". -- BERNAMA

RAB